

Title : SISTEM PENTADBIRAN TRADISIONAL YANG TERDAPAT DI
SABAH DAN SARAWAK SEBELUM KEDATANGAN BRITISH

Author(s) : Shahira Binti Abdul Rahman

Institution : UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Category : Article, Competition

Topic : History

TAJUK ESEI/ARTIKEL

**SISTEM PENTADBIRAN TRADISIONAL YANG TERDAPAT DI SABAH DAN
SARAWAK SEBELUM KEDATANGAN BRITISH**

NAMA

SHAHIRA BINTI ABDUL RAHMAN

1.0 PENGENALAN

Masyarakat Melayu tradisional merupakan antara masyarakat yang mendiami alam Nusantara, yang mana mereka sememangnya kaya dengan pelbagai kemahiran serta keistimewaan mereka dalam menjalani kehidupan seharian mereka, terutama sekali dalam soal pentadbiran. Setiap kerajaan masyarakat Melayu tradisional mempunyai pentadbiran yang tersendiri bagi memastikan sesebuah pemerintahan itu berjalan dengan lancar dan teratur. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pentadbiran dapat ditakrifkan sebagai perbuatan mentadbirkan, pengelolaan, pengurusan, dan pemerintahan, manakala tradisional pula berkaitan dengan, bersifat atau mengikut tradisi. Pentadbiran tradisional dapat disimpulkan sebagai perbuatan mentadbirkan pemerintahan mengikut tradisi. Selain itu, pentadbiran tradisional juga dapat ditakrifkan sebagai satu organisasi atau badan sosial, ekonomi, atau politik yang memperoleh kuasa, kesahan, pengaruh, dan kewibawaan mereka dari tradisi orang tertentu (Elias, 1967).¹ Pentadbiran tradisional dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional ini dalam pada masa yang sama juga akan turut secara tidak langsung mempengaruhi kegiatan ekonomi dan sosial mereka pada suatu ketika dahulu.

Seperti di Sabah dan Sarawak yang merupakan kawasan yang terletak di alam Nusantara ini juga mempunyai sistem pentadbiran tradisional yang tersendiri sebelum kedatangan British. Sebelum Sabah dan Sarawak membentuk pentadbiran tradisional, terdapat beberapa teori atau asal usul yang menerangkan bagaimana Sabah dan Sarawak mendapat nama. Asal usul nama Sabah menurut kepercayaan masyarakat tempatan berasal daripada nama sejenis pisang iaitu pisang Saba atau juga dipanggil “Sappah”. Perkataan Sabah juga dikaitkan dengan nama sejenis pisang yang dipanggil sebagai pisang “jaba” oleh masyarakat Bajau yang merupakan sebahagian daripada suku kaum atau etnik yang terdapat di Sabah. Selain itu, Prapancha dalam Syair Jawa hasil karangannya yang dikenali sebagai Nagarakertagama pada tahun 1365 menggelar Sabah sebagai “saludang”.² Menurut Allen R. Maxwell (1981) menyatakan bahawa istilah “saba” bagi masyarakat Melayu Brunei merujuk kepada “sungai bawah” atau “ke arah air” atau “laut” dalam Bahasa Kedayan.³ Selain itu, terdapat juga pendapat yang menyatakan

¹ Orlo, Amos Justus, Achinulo & Emmanuel Chinedu, Traditional Administrative System and the Politics of Land Management in Akpor Kingdom, in Rivers State, Nigeria, *Journal of Political Science and Leadership Research* 3(2), 2017, hlm.56-73

² Mohamed Roselan Abdul Malek, 1998, *Kesan Sejarah dan Tempat-Tempat Menarik Negeri Sabah*, Oscar Book International, Selangor Darul Ehsan, 1998, hlm. 6

³ Allen R. Maxwell, 1981, The origin of the name ‘Sabah’, *Sabah Society Journal* 7(2), 1981, hlm. 91-95

bahawa asal usul nama Sabah itu berasal dari bahasa Dusun yang merujuk kepada bahagian paling utara di Borneo (Lee Yong Leng, 1965).⁴

Seperti Sabah, Sarawak juga mempunyai sejarah asal usul bagaimana negeri tersebut mendapat nama. Sejarah Sarawak pada awalnya banyak dipengaruhi oleh Kesultanan Brunei, kerana Sarawak merupakan sebahagian daripada wilayah taklukan pemerintahan Brunei yang berkuasa di seluruh Pulau Kalimantan suatu ketika dahulu. Di dalam Nagarakertagama, pupuh 14 hasil karya Prapanca, ada menyentuh nama sebuah wilayah yang dipanggil sebagai ‘Sawaku’ yang dimaksudkan sebagai Sarawak:

*Kandandangan, Landa, Samandong dan Tirem tak terlupakan Sedu, Barune (ng), Kalka, Saludong, Solot dan juga Pasir, Barito, Sawaku, Tabalung, ikut juga Tanjung Kutei Malano tetap yang terpenting di Pulau Tanjungpura...*⁵

Manakala terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa Sarawak itu berasal daripada nama galian antimoni dalam Bahasa Melayu lama yang dipanggil sebagai “Serawak”. Nama Sarawak juga dipercayai berasal daripada satu ungkapan iaitu “serah kepada awak” yang lama-kelamaan ungkapan tersebut diringkaskan menjadi Sarawak yang dikatakan, nama Sarawak itu terbentuk setelah James Brooke menerima penyerahan sebahagian daripada wilayah Kesultanan Brunei itu oleh Sultan Brunei.

2.0 SISTEM PENTADBIRAN TRADISIONAL DI SABAH DAN SARAWAK SEBELUM KEDATANGAN BRITISH

2.1 SISTEM PENTRADBIRAN TRADISIONAL DI SABAH

Sistem pentadbiran tradisional di Sabah pada awalnya berada di bawah penguasaan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Wilayah kekuasaan Kesultanan Brunei di Sabah adalah di bahagian pantai Barat Sabah, manakala wilayah kekuasaan Kesultanan Sulu adalah di bahagian pantai Timur Sabah. Pada awalnya, Sabah dikuasai sepenuhnya oleh Kesultanan Brunei, namun pada tahun 1704, Sultan Brunei telah menyerahkan kepada Sultan Sulu akan sebahagian daripada wilayah jajahan takluknya di Sabah atas jasa baik Sultan Sulu mengalahkan musuh Sultan Brunei di Pulau Chermin⁶. Bermula dari penyerahan tersebut, maka sebahagian daripada wilayah di Sabah yang dahulunya dikuasai oleh Kesultanan Sulu telah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu, iaitu di bahagian pantai Timur Sabah, yang bermula dari Kimanis hingga selatan Sungai Sibuku. Sistem pentadbiran tradisional di

⁴ Lee Yong Leng, North Borneo (Sabah), a study in settlement geography, Singapore: Eastern Universities Press, Singapore, 1965

⁵ Slamet Muljana, 2006, Tafsir Sejarah: Nagarakertagama, LKIS, Jakarta, 2006, hlm. 346

⁶ Prof Madya Dr. Ismail Al, 2017, Sejarah pentadbiran awal di Sabah, *Utusan Borneo*, 16 Januari: B2

Sabah telah dibentuk untuk menjalankan pentadbiran yang teratur di Sabah. Secara amnya, pentadbiran tradisional di Sabah dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu sistem politik kesukuan, sistem politik kesultanan, dan sistem politik ketua bebas.

2.1.1 SISTEM POLITIK KESUKUAN

Sistem politik kesukuan atau juga dikenali sebagai pentadbiran yang berasaskan kesukuan ini menjadi sistem pegangan yang amat kuat diamalkan terutamanya oleh suku kaum Murut dan Dusun serta suku kaum lain yang menetap di kawasan pedalaman Sabah. Keadaan geografi di Sabah yang berbukit-bukau dan bergunung-ganang menyebabkan kumpulan-kumpulan suku kaum tersebut terpisah daripada kumpulan-kumpulan suku kaum yang lain serta perhubungan antara mereka juga sukar untuk berlaku⁷. Sistem politik kesukuan yang diamalkan ini berlandaskan kepada sebuah ikatan kekeluargaan yang kukuh dan erat dalam kalangan suku kaum masing-masing. Sistem politik kesukuan ini berada di bawah kelolaan seorang ketua yang dikenali sebagai Orang Tua. Orang Tua dilantik melalui kata sepakat di dalam sebuah majlis perbincangan atau perjumpaan. Secara amnya, di dalam sesi pelantikan Orang Tua tersebut akan dianggotai oleh mereka yang mempunyai ilmu serta kemahiran yang mendalam mengenai adat istiadat yang menjadi pegangan dalam kalangan masyarakat⁸. Bagi Orang Tua yang dilantik pula, antara ciri atau kualiti kepimpinan yang perlu ada dalam diri mereka sebagai seorang pemimpin adalah seperti memiliki sifat berani dan mempunyai pengetahuan yang baik mengenai adat untuk memastikan pentadbirannya berjalan dengan baik dan teratur⁹. Antara bidang tanggungjawab Orang Tua ialah bertanggungjawab dalam menjaga hal ehwal keselamatan, menyelesaikan pertikaian yang berlaku antara penduduk serta mengekalkan keharmonian dalam kalangan penduduk yang berada di bawah kawalannya.

Jawatan Orang Tua tidak diwarisi secara turun-temurun, namun sekiranya anak kepada Orang Tua tersebut memiliki ciri kepimpinan dan keperibadian yang baik dan sewajarnya, mereka layak untuk menjadi pengganti bapanya yang memegang jawatan Orang Tua tersebut. Pentadbiran Orang Tua di Sabah turut dibantu oleh Majlis Kampung serta golongan yang dikenali sebagai bobohizan¹⁰. Majlis Kampung berperanan dalam membantu

⁷ Jakaria Dasan, 2009, Kronologi masyarakat peribumi Sabah sedasawarsa sebelum merdeka, *New Sabah Times*, 9 November: 2

⁸ Dg. Junaidah Awang Jambol, Hubungan Tradisi Brunei dengan Borneo Utara: Tinjauan terhadap Faktor Kemosotan Pentadbiran Kesultanan Brunei pada Abad ke-19, *Jurnal Borneo Arkhailogia* 3(2), 2018, hlm. 110-111

⁹ D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 2000, hlm 62

¹⁰ Mosli Tarsat, 2009, Kerelevenan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri Sabah: Satu Perspektif Sejarah,

Orang Tua mengendalikan pentadbiran penduduk pribumi di Sabah seperti memutuskan suatu polisi dan menguruskan kepincangan yang berlaku di desa. Bobohizan merupakan golongan yang turut membantu Orang Tua dalam pentadbirannya, khususnya yang berkaitan dengan adat. Bobohizan menurut kepercayaan suku kaum Kadazan di Sabah adalah golongan yang amat arif dalam bidang-bidang adat serta menjadi tempat rujukan bagi pribumi di Sabah terutamanya yang berkaitan dengan alam ghaib¹¹. Bobohizan diperlukan bagi memulakan suatu upacara atau ritual seperti sekiranya berlaku kematian, kelahiran, dan mengubati sesuatu penyakit. Hal ini kerana, pribumi di Sabah percaya bahawa sekiranya sesuatu adat yang tidak diamalkan atau tidak dilaksanakan dengan betul, kelak akan mengundang bencana atau sesuatu yang buruk boleh berlaku kepada mereka. Pegangan yang kukuh mengenai adat bagi setiap suku kaum di Sabah menerusi upacara atau ritual yang betul dapat menjauhkan mereka daripada menerima malapetaka atau bencana daripada berlaku.

2.1.2 SISTEM POLITIK KESULTANAN

Sistem politik kesultanan di Sabah merujuk kepada pentadbiran yang berada di bawah kekuasaan dua kesultanan, iaitu Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Wilayah kekuasaan Kesultanan Brunei adalah di bahagian pantai barat Sabah, manakala wilayah yang berada di bahagian pantai timur Sabah berada di bawah penguasaan Kesultanan Sulu. Penguasaan Kesultanan Sulu di Sabah adalah di bahagian pantai timur Sabah apabila pada tahun 1704, sultan Brunei telah menyerahkan bahagian pantai timur Sabah tersebut pada Kesultanan Sulu apabila Kesultanan Sulu berjaya mengalahkan musuh Sultan Brunei di Pulau Chermin. Geopolitik semasa pemerintahan Kesultanan Brunei di Sabah pula adalah berdasarkan kepada sungai. Kejayaan Kesultanan Brunei dalam membentuk kekuatan tenteranya telah menyebabkan wilayah kekuasaan Brunei semakin meluas di Sabah. Wilayah Kesultanan Brunei yang semakin meluas tersebut menyebabkan Brunei mewujudkan sebuah pentadbiran jajahan bagi melicinkan lagi pentadbirannya, di samping untuk memudahkan urusan kutipan cukai di Sabah dengan Sultan Brunei sebagai pemerintah utama dan jawatan-jawatan yang diwujudkan di bawahnya seperti wazir dan para pembesar yang membantu dalam mentadbir kawasan jajahan taklukannya. Pentadbiran jajahan

Sosiohumanika 2(2), 2009, hlm. 3-4

¹¹ Hanafi Hussin, Bobohizan dan Peranannya dalam Kalangan Masyarakat Kadazan Daerah Penampang, Sabah, *Jati* 8, 2018, hlm. 16-17

tersebut adalah berasaskan kepada sistem pemilikan sungai yang terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan, dan Sungai Tulin.

Pentadbiran Sungai Kerajaan merupakan kawasan yang menjadi hak kepunyaan sultan sepanjang tempoh pemerintahannya. Sungai Kerajaan ini tidak boleh diwarisi kepada keturunan selagi mana sultan tersebut masih bertakhta di dalam kerajaannya, kecuali apabila sultan mewariskannya kepada sultan yang berikutnya setelah kemangkatannya. Segala hasil dalam Sungai Kerajaan ini adalah milik sultan termasuklah pengutipan cukai seperti cukai kepala, cukai perdagangan khas, dan cukai tanah jajahan. Selain itu, penduduk yang menetap serta segala hasil yang terdapat di dalam Sungai Kerajaan tersebut merupakan hamba dan hak mutlak Kesultanan Brunei.

Sungai Kuripan ialah kawasan yang dikuasai dan ditadbir oleh Wazir yang telah dilantik oleh Sultan yang terdiri daripada kerabat Sultan Brunei itu sendiri untuk menjalankan pemerintahan di kawasan Sungai Kuripan tersebut. Namun begitu, Sungai Kuripan ini masih menjadi milik sultan Brunei dan baginda mempunyai hak untuk menerima hasil kutipan cukai di Sungai Kuripan tersebut. Sungai Kuripan akan menjadi milik Sultan Brunei semula jika kematian wazir tersebut yang mana Sungai Kuripan tersebut tidak boleh diwarisi oleh keturunan wazir tersebut. Secara amnya, golongan wazir tersebut dapat dibahagikan kepada empat, iaitu Pengiran Bendahara, Pengiran Temenggung, Pengiran Pemanca, dan Pengiran diGadong.¹² Pengiran Bendahara bertanggungjawab sebagai ketua menteri, Pengiran Temenggung ditugaskan dalam hal ehwal keadilan dan pertahanan, Pengiran diGadong bertanggungjawab dalam hal kewangan, dan Pengiran Pemanca ditugaskan dalam hal ehwal hubungan diplomatik. Sungai Kuripan adalah berdasarkan kepada jawatan dan bukan dimiliki secara warisan serta dimiliki dan dikuasai oleh Wazir yang telah dilantik oleh Sultan Brunei.

Sungai Tulin ialah sistem pemilikan tanah yang boleh diwarisi oleh golongan pengiran yang merupakan golongan pembesar. Melalui pemilikan Sungai Tulin oleh golongan pengiran atau pembesar tersebut telah membolehkan golongan pembesar tersebut untuk menyerah atau mewariskan Sungai Tulin tersebut kepada keturunannya. Pemilikan kepada Sungai Tulin akan diserahkan kepada keturunan pengiran yang seterusnya melalui proses yang dinamakan sebagai pesaka, sekiranya pengiran yang memiliki Sungai Tulin tersebut meninggal dunia. Namun begitu, sekiranya Pengiran tersebut tidak mempunyai

¹² W. H. Treacher, *British Borneo: Sketches of Brunai, Sarawak, Labuan and North Borneo*, *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 20, 1889, hlm. 13-74

waris, Sungai Tulin tersebut akan menjadi milik atau hak Sultan Brunei semula. Sultan Brunei tidak boleh menghapuskan atau mengurniakan Sungai Tulin tersebut kepada mana-mana pihak, tanpa merujuk kepada pemiliknya, iaitu golongan pembesar tersebut.¹³ Hal ini kerana, pemilikan Sungai Tulin ini dikelolakan oleh pemiliknya secara persendirian, di mana golongan pembesar tersebut mempunyai kuasa untuk memungut cukai seperti cukai tanah, cukai kepala, dan cukai dagangan atas haknya sendiri. Selain itu, di bawah kekuasaan golongan pembesar atau Pengiran tersebut terhadap Sungai Tulin juga telah membolehkan golongan tersebut turut mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman atas kesalahan yang dilakukan. Sebagai contoh, Pengiran Temenggung bertanggungjawab dalam menyelesaikan kesalahan yang melibatkan jenayah pembunuhan.

2.1.3 SISTEM POLITIK KETUA BEBAS

Sistem politik ketua bebas merupakan sistem pentadbiran tradisional yang dijalankan di Sabah. Sistem politik ketua bebas ini terhasil daripada pengaruh kepimpinan dan semangat keberanian yang dimiliki oleh individu dalam menegakkan pengaruh kepimpinannya. Sistem politik ketua bebas ini diamalkan di kawasan pesisir pantai di Sabah. Individu atau golongan yang memerintah kawasan tersebut kebiasaannya mempunyai ikatan kekeluargaan atau pertalian dengan keluarga beraja kesultanan Sulu, Brunei atau Arab Sharif. Sebagai contoh tokoh yang mengamalkan sistem politik ketua bebas ini ialah Sharif Usman yang memerintah dan berkuasa di kawasan Marudu. Penduduk yang menetap di bawah sistem politik ketua bebas ini juga kebiasaannya terdiri daripada pengikut-pengikut ketua bebas tersebut. Di bawah sistem ketua bebas ini, mempunyai undang-undang yang tersendiri tanpa menerima pengaruh atau campur tangan daripada luar. Golongan yang memerintah di bawah sistem ketua bebas ini juga berkuasa dalam mengutip cukai bagi penduduk yang menetap di kawasan di bawah penguasaan mereka, di samping perlindungan juga turut diberikan oleh ketua-ketua bebas tersebut terhadap penduduknya. Bayaran cukai oleh penduduk kepada pembesar yang menguasai kawasan tempat asal mereka menetap masih perlu dibayar walaupun penduduk tersebut sudah berhijrah ke satu wilayah yang lain.

2.2 SISTEM PENTADBIRAN TRADISIONAL DI SARAWAK SEBELUM KEDATANGAN BRITISH

Sistem pentadbiran tradisional di Sarawak ditadbir oleh Kesultanan Brunei sejak abad ke-15. Namun, sebelum pentadbiran di Sarawak dikuasai oleh Kesultanan Brunei, pada peringkat awalnya Sarawak tersebut menerima pengaruh daripada dua buah kerajaan yang

¹³ I.D. Black, The ending of Brunei rule in Sabah 1878-1902, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 41(2), 1968, hlm. 176-192

terulung di Kepulauan Melayu, iaitu kerajaan Srivijaya-Majapahit. Sebelum kedatangan atau campur tangan dari kuasa Barat seperti British, Sarawak mempunyai sistem pentadbirannya yang tersendiri dan sukar untuk mengenal pasti sistem pentadbiran yang diamalkan oleh penduduk yang menetap di Sarawak. Wilayah atau jajahan Kesultanan Brunei yang semakin meluas telah membawa kepada terbentuknya beberapa unit jajahan. Setiap unit jajahan tersebut dibentuk bertujuan untuk melicinkan lagi pentadbiran di Sarawak yang berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei. Sultan Brunei telah melantik para pembesar untuk mewakili pemerintahan di Sarawak bagi menjalankan pentadbiran di Sarawak. Secara amnya, pentadbiran tradisional di Sarawak dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu sistem kesukuan, sistem pentadbiran, dan sistem kedatuan.

2.2.1 SISTEM KESUKUAN

Sistem kesukuan merupakan satu sistem pentadbiran tradisional yang diamalkan oleh masyarakat di Sarawak yang terdiri daripada pelbagai pecahan suku kaum. Sistem kesukuan ini diamalkan oleh suku kaum yang terdapat di Sarawak seperti Iban, Bidayuh, Kenyah, Kelabit, dan juga Kayan. Sistem kesukuan ini memberi penekanan kepada aspek adat yang menjadi pegangan yang penting kepada setiap suku kaum yang menetap di Sarawak. Pegangan kepada adat perlu diamalkan dan dipatuhi kerana adat merupakan budaya atau amalan yang diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Adat juga perlu dipatuhi kerana dapat mengekalkan sebuah kehidupan yang aman dan harmoni untuk menghindarkan diri daripada menerima bencana atau musibah menurut kepercayaan peribumi di Sarawak. Di bawah sistem kesukuan ini terdapat seorang pemimpin yang mentadbir setiap suku yang terdapat di Sarawak. Pemimpin tersebut dikenali dengan gelaran Tuai Rumah bagi kaum Iban di Sarawak manakala bagi kaum Bidayuh, ketua atau pemimpin bagi kaum mereka dikenali dengan panggilan Tua Kapung, Peran Lepo bagi kaum Kenyah, dan Kulunan Maren bagi suku kaum Kayan.

Pepimpin-pepimpin tersebut dipilih atau dilantik berpandukan ciri-ciri berlaku antara penghuni di rumah panjang adalah di bawah bidang tugas serta keperibadian atau keistimewaan bagi membolehkan mereka mentadbir urus suku kaum atau peribumi yang terdapat di Sarawak. Antara ciri keperibadian yang perlu dimiliki oleh pemimpin tersebut adalah seperti mempunyai pengetahuan yang luas terutamanya dalam bidang adat dan memiliki sifat keberanian. Gelaran pemimpin yang memimpin setiap suku kaum yang terdapat di Sarawak adalah berbeza, namun dari segi peranan mereka adalah tetap sama. Pemimpin-pemimpin bagi setiap kaum tersebut berperanan dalam menyelesaikan sebarang

permasalahan atau pertelingkahan dalam kalangan penduduk serta memastikan keharmonian dan keselamatan dalam kalangan penduduk adalah terjamin. Selain menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam kalangan penduduk di bawah pimpinannya, Tuai Rumah juga memainkan peranan yang besar dalam hal ehwal adat dan rumah panjang. Hal ini bermakna, sebarang permasalahan atau pertelingkahan yang tanggungjawab Tuai Rumah untuk menyelesaikannya secara rundingan yang aman antara pihak yang terlibat dalam permasalahan tersebut. juga bertanggungjawab dalam masalah seperti penceraian, perkahwinan, serta perayaan seperti menetapkan tarikh Hari Gawai.

2.2.2 SISTEM PENTADBIRAN

Sistem pentadbiran di Sarawak bermula dengan dua keturunan Abang, iaitu Abang Kuli dan Abang Adi yang menjalankan pentadbiran di Sungai Sarawak hingga ke Santubong. Keturunan Raja Jarom telah datang ke Sarawak dan seterusnya mengahwinkan anaknya, iaitu Merpati Jepang dengan anak kepada Abang Kuli yang mana setelah sahaja berkahwin, Merpati Jepang dan anak kepada Abang Kuli telah mendirikan kerajaan di Santubong. Pengaruh kekuasaan Kesultanan Brunei yang kukuh menyebabkan Sarawak dan empat daerah seperti Kalaka, Saribas, Sadong, dan Samarahan telah diserahkan kepada Sultan Mahmud atau juga dikenali sebagai Alak Bertata, yang merupakan Sultan Brunei. Penguasaan Kesultanan Brunei terhadap Sarawak dan daerah-daerah tersebut telah menyebabkan ia menerima corak pentadbiran Kesultanan Brunei yang berdasarkan kepada sistem pegangan sungai. Sistem pentadbiran tradisional di Sarawak yang dipengaruhi oleh Kesultanan Brunei adalah berdasarkan kepada sungai adalah ekor daripada struktur keadaan geopolitiknyanya. Secara amnya, pentadbiran tradisional di Sarawak oleh Kesultanan Brunei dapat dibahagikan kepada tiga bahagian sungai, iaitu Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan, dan Sungai Tulin. Pembahagian sungai-sungai tersebut adalah bertujuan untuk memastikan urusan pentadbiran Kesultanan Brunei di Sarawak adalah teratur selain dapat memudahkan urusan kutipan cukai di bahagian-bahagian sungai tersebut.

Sungai Kuripan merupakan kawasan yang diserahkan oleh Sultan Brunei kepada wazir, iaitu golongan yang terdiri daripada golongan pembesar. Sungai Kuripan ini juga kawasan ditadbir oleh Wazir yang telah dilantik oleh Sultan yang terdiri daripada kerabat Sultan Brunei itu sendiri untuk menjalankan pemerintahan di kawasan Sungai Kuripan tersebut. Namun begitu, Sungai Kuripan ini masih menjadi milik sultan Brunei dan baginda mempunyai hak untuk menerima hasil kutipan cukai dari Sungai Kuripan tersebut. Sungai Kuripan ini juga akan menjadi milik Sultan Brunei semula jika wazir tersebut

meninggal dunia, yang mana Sungai Kuripan tersebut tidak boleh diwarisi oleh keturunan wazir tersebut. Secara amnya, golongan wazir yang dilantik oleh Sultan Brunei di Sungai Kuripan ini dapat dibahagikan kepada empat orang wazir, iaitu Pengiran Bendahara, Pengiran Pemanca, Pengiran Temenggung, dan Pengiran diGadong.¹⁴ Setiap Pengiran tersebut mempunyai bidang tanggungjawab yang tertentu, iaitu seperti Pengiran Bendahara bertanggungjawab sebagai ketua menteri, Pengiran Temenggung ditugaskan dalam hal ehwal keadilan dan pertahanan, Pengiran diGadong bertanggungjawab dalam hal kewangan, dan Pengiran Pemanca ditugaskan dalam hal ehwal hubungan diplomatik. Sungai Kuripan adalah berdasarkan kepada jawatan dan bukan dimiliki secara warisan serta dimiliki dan dikuasai oleh Wazir yang telah dilantik oleh Sultan Brunei.

Pentadbiran Sungai Kerajaan merupakan sungai yang menjadi hak kepunyaan sultan sepanjang tempoh pemerintahannya. Sungai Kerajaan ini tidak boleh diwarisi kepada keturunan baginda selagi mana sultan tersebut masih bertakhta di dalam kerajaannya, kecuali apabila sultan tersebut mewariskannya kepada sultan yang berikutnya setelah kemangkatannya. Segala hasil dalam Sungai Kerajaan ini adalah milik sultan termasuklah pengutipan cukai seperti cukai kepala, cukai perdagangan khas, dan cukai tanah jajahan. Selain itu, penduduk yang menetap serta segala hasil yang terdapat di dalam Sungai Kerajaan tersebut merupakan hamba kepada Sultan Brunei dan menjadi hak mutlak Kesultanan Brunei.

Sungai Tulin merupakan sistem pemilikan sungai yang boleh diwarisi oleh golongan golongan pembesar atau juga dikenali sebagai golongan Pengiran. Melalui pemilikan Sungai Tulin oleh golongan pembesar tersebut telah membolehkannya untuk menyerahkan atau mewariskan Sungai Tulin tersebut kepada keturunannya. Pemilikan Sungai Tulin akan diserahkan kepada keturunan pembesar yang seterusnya melalui satu proses yang dikenali sebagai pesaka, sekiranya pembesar yang memiliki Sungai Tulin tersebut meninggal dunia. Namun begitu, sekiranya Pengiran tersebut tidak mempunyai waris, Sungai Tulin tersebut akan menjadi milik atau hak Sultan Brunei semula. Sultan Brunei tidak boleh mengurniakan Sungai Tulin tersebut kepada sesiapa atau menghapuskan Sungai Tulin tersebut tanpa merujuk kepada golongan pembesar tersebut.¹⁵ Ini kerana pemilikan Sungai Tulin ini dikelolakan oleh pemiliknya secara persendirian, di mana golongan pembesar tersebut mempunyai kuasa untuk memungut cukai seperti cukai tanah,

¹⁴ *Ibid*, hlm. 36

¹⁵ *Ibid*, hlm. 184

cukai kepala, dan cukai dagangan untuk miliknya sendiri. Selain itu, di bawah kekuasaan golongan pembesar atau Pengiran tersebut terhadap Sungai Tulin juga telah membolehkan golongan tersebut turut mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman atas kesalahan yang dilakukan. Sebagai contoh, Pengiran Temenggung bertanggungjawab dalam menyelesaikan kesalahan yang melibatkan jenayah pembunuhan.

2.2.3 SISTEM KEDATUAN

Sistem kedatuan merupakan sistem pentadbiran tradisional yang diamalkan di Sarawak yang berada di bawah pimpinan Datu Merpati Jepang. Sistem kedatuan ini diamalkan oleh kerajaan-kerajaan yang bertapak awal di Sarawak, seperti kerajaan Sambas dan kerajaan Sawaku yang terletak di Sarawak. Keturunan Datu Merpati Jepang ini telah mentadbir Sarawak dengan menggunakan panggilan atau gelaran seperti Datu Patinggi, Datu Temenggung, dan Datu Bendahara atau juga dikenali sebagai Datu Bandar;

*Datu Merpati Jepang...had two sons, the elder named Pateh Mengadai and the younger called Pateh Sangkona. Pateh Mengadai was proclaimed as Patinggi, and Pateh Sangkona became Temenggong of Sarawak. From this two descend the title of Patinggi and Temenggong, which still exist in Sarawak.*¹⁶

Golongan Datu-Datu tersebut menjalankan pentadbiran di Sarawak sebagai wakil Sultan Brunei di Sarawak. Sebagai contoh, Datu Patinggi mempunyai tanggungjawab dalam mengutip dan menyerahkan hasil kepada kerajaan Brunei sebagai bentuk ufti, manakala Datu Temenggung pula bertanggungjawab dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan keselamatan dan Datu Bendahara (Datu Bandar) mempunyai tanggungjawab dalam menyelenggara hal ehwal perdagangan di Sarawak.

3.0 SISTEM EKONOMI TRADISIONAL DI SABAH DAN SARAWAK SEBELUM KEDATANGAN BRITISH

3.1 SISTEM EKONOMI TRADISIONAL DI SABAH

Sistem ekonomi tradisional yang dijalankan di Sabah bergantung kepada bentuk muka bumi dan kawasan persekitaran petempatan masyarakat peribumi Sabah. Keadaan seperti bentuk muka bumi dan persekitaran petempatan masyarakat peribumi Sabah akan menentukan jenis aktiviti ekonomi yang akan dijalankan oleh masyarakat peribumi di Sabah. Antara kegiatan ekonomi tradisional yang dijalankan oleh masyarakat peribumi di

¹⁶ Ib Larsen, The First Sultan of Sarawak and his links to Brunei and the Sambas dynasty, 1599-1826: A little known pre-Brooke history, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 85(2), 2012, hlm. 1-16

Sabah ialah sara diri, yang meliputi kegiatan pertanian, memungut hasil laut dan hasil hutan dan laut, serta menangkap ikan. Selain menjalankan kegiatan ekonomi sara diri, masyarakat peribumi di Sabah juga turut terlibat dalam kegiatan perdagangan.

Kegiatan pertanian yang dijalankan oleh masyarakat peribumi Sabah ialah penanaman padi huma yang ditanam di kawasan kaki bukit dan juga penanaman padi sawah yang kebanyakannya diusahakan oleh kaum Kadazandusun di Sabah.¹⁷ Selain penanaman padi huma dan padi sawah, peribumi Sabah juga turut menanam tanaman sampingan seperti ubi, keledek, sayur-sayuran, dan juga buah-buahan yang juga turut diusahakan oleh suku kaum Iban. Kegiatan penanaman padi huma dan padi sawah amat penting sebagai sumber makanan peribumi di Sabah. Selain penanaman padi, peribumi Sabah juga terlibat dalam kegiatan memungut hasil hutan yang kebiasaannya dijalankan oleh kaum Murut.¹⁸ Antara hasil hutan yang dipungut ialah damar, rotan, dan madu lebah. Kegiatan memungut hasil laut juga turut dijalankan oleh kaum Melayu-Brunei, Suluk, dan Bajau yang kebanyakannya menetap di pesisiran pantai. Kegiatan memungut hasil laut tersebut menjadi sumber pendapatan utama mereka dan antara sumber hasil laut yang dipungut ialah agar-agar, timun laut, karang laut, dan mutiara.

Kegiatan menangkap ikan juga turut dijalankan oleh masyarakat peribumi di Sabah terutamanya kaum Bajau yang menetap di pesisiran pantai seperti di kawasan Teluk Kimanis, Sandakan, dan Semporna. Kaum Bajau menggunakan cara penangkapan ikan secara tradisional dengan menggunakan peralatan seperti jaring dan kelong. Selain itu, peribumi di Sabah juga turut menjalankan kegiatan memungut sarang burung. Gua Gomantong merupakan pengeluar utama sarang burung di Sarawak yang dijalankan oleh masyarakat peribumi di Sarawak. Pemungut sarang burung perlu menggunakan tangga atau memanjat dinding gua yang tinggi bagi mendapatkan sarang burung tersebut dengan menggunakan buluh. Kegiatan perdagangan juga turut dijalankan oleh peribumi di Sabah. Pasar tamu merupakan tempat kegiatan berjual beli dan bertukar-tukar barangan dijalankan oleh masyarakat pelbagai kaum di Sabah.¹⁹ Pasar tamu menjadi tempat berkumpul bagi masyarakat peribumi Sabah dari kawasan pedalaman dan kampung untuk menjual hasil keluaran mereka. Mereka menjalankan kegiatan bertukar barang seperti barangan makanan serta hasil hutan

¹⁷ Owen Rutter, 1985, *The Pagans of North Borneo*, Oxford University Press, Singapore, 1985

¹⁸ Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Mohamad Marzuki Abdul Rahim & Muhammad Akramin Bin Kamaruzaman, Metod dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman suku kaum masyarakat Murut di pedalaman Sabah, *Al-Hikmah* 8(2), 2016, hlm. 61-80

¹⁹ Jurry Foo, Penglibatan komuniti tempatan dalam pasaran tumbuhan ubatan di tamu Pantai Barat Sabah, *Akademika* 88(1), 2018, hlm. 35-47

seperti damar, rotan, dan getah perca. Selain daripada menjadi tempat untuk menjalankan kegiatan berjual beli atau berdagang, pasar tamu juga menjadi tempat menjalankan aktiviti sosial, iaitu sebagai tempat kegiatan meyabung ayam yang dijalankan oleh masyarakat tradisional di Sabah.

3.2 SISTEM EKONOMI TRADISIONAL DI SARAWAK

Sarawak mempunyai banyak sumber kekayaan semula jadi yang menjadi penyumbang kepada kegiatan ekonomi bagi peribumi di Sarawak. Kekayaan sumber semula jadi ini juga turut menentukan dan mempengaruhi corak kegiatan ekonomi yang akan dijalankan oleh masyarakat peribumi di Sarawak.²⁰ Secara amnya, kegiatan ekonomi di Sarawak adalah dijalankan secara sara diri yang meliputi seperti kegiatan pertanian, memungut hasil hutan, perlombongan, dan perdagangan.

Masyarakat di Sarawak menjalankan kegiatan ekonomi sara diri dengan menjalankan kegiatan penanaman padi. Terdapat dua jenis padi yang ditanam oleh masyarakat di Sarawak, iaitu padi huma dan juga padi sawah yang khususnya diusahakan oleh suku kaum Iban lelaki dan wanita di Sarawak.²¹ Padi huma banyak ditanam di kawasan tempat tinggal kerana padi huma tersebut merupakan tanaman yang amat penting sebagai sumber makanan rugi bagi kaum Iban, Bidayuh, dan Kenyah. Kegiatan memungut hasil hutan juga turut giat dijalankan oleh masyarakat peribumi di Sarawak. Kegiatan memungut hasil hutan ini dipungut oleh kumpulan suku kaum yang menetap di kawasan pedalaman seperti suku kaum Iban, Bisaya, Kayan, Kenyah, dan Melayu. Kawasan yang menjadi pengeluar utama sumber-sumber hasil hutan di Sarawak adalah di Sungai Batang Lupar, Saribas, Baram, Kerian, dan Rejang. Antara sumber atau hasil hutan yang dipungut ialah damar, getah perca, rotan, kapur barus, dan jelutung. Hasil daripada sumber hutan yang dipungut tersebut akan dikumpulkan oleh masyarakat peribumi di Sarawak di kawasan-kawasan hulu sebelum didagangkan di Kuching, Sarawak atau Singapura yang menjadi pusat pelabuhan dan emporium yang utama bagi bahan atau barangan dari Sarawak.

Masyarakat peribumi di Sarawak juga turut menjalankan kegiatan berburu dan menjadi nelayan. Kegiatan berburu dan menjadi nelayan tersebut bertujuan untuk mendapatkan bekalan sumber makanan untuk menampung keperluan kehidupan masyarakat peribumi di Sarawak. Selain itu, masyarakat peribumi di Sarawak juga turut menjalankan

²⁰ D.S. Ranjit Singh, 2002, Pertumbuhan ekonomi Sarawak, 1824-1941, *SEJARAH: Journal of the Department of History* 10(10), 2002, hlm. 82-83

²¹ Noria Tugang, Pua Identiti dan budaya masyarakat Iban, Penerbit Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, 2014, hlm. 3

kegiatan penanaman lada hitam. Lada hitam merupakan tanaman tradisional yang terpenting di Sarawak dan diusahakan oleh kaum Kedayan dan Murut. Kegiatan perusahaan sagu juga turut dijalankan oleh kaum Melanau di Sarawak terutamanya di kawasan Sungai Mukah, Oya, Igan dan Balingian. Hal ini kerana, pokok sagu hidup dengan subur di kawasan-kawasan sungai dan berpaya serta pokok sagu tersebut akan ditebang selepas 10 tahun penanamannya. Isi di dalam pokok sagu yang dikenali sebagai ripo, akan dikeluarkan untuk dijemur sehingga kering untuk dijadikan sebagai tepung sagu yang juga dikenali sebagai lemantak. Dalam proses penghasilan hasil daripada pokok sagu tersebut, masyarakat Melanau juga turut menggunakan alatan-alatan yang khusus dan bersifat tradisional dalam proses penghasilan produk daripada pokok sagu. Sebagai contoh, alatan seperti beliung digunakan oleh masyarakat Melanau untuk mengupas kulit batang pokok sagu untuk menghasilkan tepung sagu (lemantak), kepingan papan yang dipacak dengan paku digunakan untuk mengikis inti sagu, serta sejenis parang panjang yang dikenali sebagai *paghang tebuong* dalam bahasa Melanau yang digunakan untuk memotong batang pokok sagu daripada bahagian daunnya.²²

Kegiatan perlombongan juga turut dijalankan oleh masyarakat peribumi di Sarawak seperti kegiatan perlombongan emas dan antimoni. Perlombongan emas dan antimoni di Sarawak merupakan bahan galian terpenting di Sarawak sejak abad ke-19. Kawasan yang menjadi tempat perlombongan antimoni adalah di kawasan Bau, Sarawak.²³ Kaum Melayu dan Dayak merupakan suku kaum yang terlibat dalam kegiatan perlombongan emas di Sarawak. Kegiatan perlombongan emas dijalankan dengan cara mendulang dan menalung. Kegiatan perlombongan antimoni diusahakan oleh suku kaum Bidayuh namun pembesar-pembesar Melayu tempatan di bawah pentadbiran Kesultanan Brunei yang memperoleh hasil daripada perlombongan antimoni yang diusahakan oleh kaum Dayak tersebut.²⁴

4.0 SOSIOBUDAYA TRADISIONAL MASYARAKAT DI SABAH DAN SARAWAK

4.1 SOSIOBUDAYA TRADISIONAL MASYARAKAT DI SABAH

Masyarakat peribumi di Sabah mempunyai sosiobudaya mereka yang tersendiri dan banyak dipengaruhi oleh persekitaran sekeliling mereka. Sosiobudaya yang diamalkan oleh masyarakat peribumi di Sabah melambangkan corak identiti mereka yang tersendiri. Kegiatan sosiobudaya yang dijalankan oleh masyarakat peribumi di Sabah adalah diwarisi secara turun-temurun yang telah diberikan pendedahan mengenainya oleh ahli keluarga serta masyarakat

²² Chong Shin, Catatan dan deskripsi istilah-istilah yang berkaitan dengan sagu dalam masyarakat Melanau, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 3(3), 2015, hlm. 113-120

²³ Robert Pringle, *Rajahs and Rebels*, Cornell University Press, Ithaca, 1970, hlm 11

²⁴ *Ibid*, hlm 82

sekeliling. Secara amnya, sosiobudaya tradisional masyarakat di Sabah merangkumi adat resam, undang-undang adat, dan kepercayaan.

Masyarakat peribumi di Sabah kaya dengan pelbagai adat resam yang tersendiri yang perlu mereka amalkan dan patuhi. Adat resam memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat peribumi Sabah kerana adat resam yang tidak dipatuhi akan mengundang kepada berlakunya malapetaka atau bencana kepada mereka. Terdapat beberapa adat yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat peribumi di Sabah, antaranya adalah seperti adat dalam pertanian dan adat dalam perkahwinan. Kegiatan pertanian memainkan peranan yang penting dalam menjamin sumber makan atau mata pencaian dalam kalangan masyarakat di Sabah. Masyarakat peribumi Sabah akan menjalankan adat bagi memuja semangat padi (Bambaazon), terutamanya bagi kaum Kadazandusun semasa menanam dan menuai padi. Upacara memuja semangat padi tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan hasil padi yang banyak dan menguntungkan, kerana padi merupakan sumber ekonomi pertanian utama dalam masyarakat peribumi di Sabah untuk membekalkan sumber makanan dan sumber pendapatan kepada mereka.

Satu perayaan yang dikenali sebagai Pesta Kaamatan yang menjadi tradisi turun-temurun bagi kaum Kadazandusun dalam kegiatan pertanian penanaman padi.²⁵ Tujuan Pesta Kaamatan tersebut dijalankan adalah untuk melahirkan rasa penghargaan serta penghormatan kepada peristiwa Tuhan *Kinoingan* yang telah mengorbankan anak perempuannya, Huminodun untuk menyelamatkan masyarakat Kadazandusun khususnya, daripada mati kebuluran. Kaamatan tersebut di Pesta Menuai tersebut akan diraikan dengan satu tarian yang dikenali sebagai tarian Sumazau, sajian makanan dan minuman, serta peralatan muzik seperti gendang oleh kaum Kadazandusun.²⁶ Dalam tarian Sumazau tersebut, penari-penari akan memakai baju berwarna hitam yang bersulamkan emas. Selain adat dalam pertanian, adat dalam perkahwinan juga turut diamalkan dalam kalangan masyarakat peribumi di Sabah. Adat perkahwinan penting untuk diamalkan oleh masyarakat peribumi di Sabah yang bertujuan untuk memastikan kebahagiaan dalam rumah tangga yang dibina akan dapat dicapai, membawa tuah, serta dapat mengelakan pasangan yang berkahwin tersebut daripada ditimpa malapetaka. Sebagai contoh, apabila upacara perkahwinan kaum Murut berlangsung, tetamu dianggap sebagai pembawa rezeki, manakala bagi pasangan yang berkahwin pula, mereka

²⁵ Fausto Barlocco, A tale of two celebrations: The Pesta Kaamatan as a side of struggle between a minority and the state of Sabah, East Malaysia. *Asian Journal of Social Science* 39(5), 2011, hlm. 1-32

²⁶ Hanafi Hussin, Ritual, identiti dan perubahan di Pantai Barat Sabah: Pengalaman Komuniti Penampang, *Jati, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara* 12, 2007, hlm. 189-210

dikehendaki untuk meminum air tapai secara bersama-sama bagi membuktikan mereka merupakan pasangan suami isteri yang sah.²⁷

Perlanggaran atau ketidakpatuhan pada undang-undang adat yang telah ditetapkan akan dikenakan kepada individu atau mereka yang tidak mematuhi. Hal ini kerana, masyarakat peribumi di Sabah yang berperanan dalam mengekalkan dan menjamin keharmonian kehidupan masyarakat peribumi di Sabah. Antara undang adat yang diamalkan oleh masyarakat peribumi Sabah ialah sogit. Sogit merupakan ganti rugi atau denda yang dikenakan kepada masyarakat di Sabah atas kesalahan melanggar adat atau peraturan yang telah ditetapkan. Sogit yang dikenakan kepada mereka yang didapati melanggar adat atau pantang larang adalah bertujuan untuk menenangkan keadaan setelah kekacauan yang dilakukan dalam masyarakat.²⁸ Sogit akan dijalankan dengan penuh tradisi dan adat oleh golongan yang mahir dalam selok belok adat seperti golongan bobohizan. Antara contoh perlakuan yang menyebabkan individu dalam masyarakat peribumi di Sabah dikenakan sogit ialah mencederakan anak seseorang atau memutuskan kontrak perkahwinan.

Masyarakat peribumi di Sabah pada awalnya adalah pagan dan mengamalkan kepercayaan animisme, iaitu kepercayaan kepada unsur-unsur alam dan perkara-perkara ghaib. Kepercayaan masyarakat peribumi di Sabah ini banyak dipengaruhi secara turun-temurun iaitu daripada nenek moyang mereka sendiri. Setiap suku kaum yang terdapat di Sabah dan Sarawak mempunyai kepercayaan dan nilai hidup yang berlainan antara satu sama lain. Kepercayaan mereka tersebut menjadi satu landasan dan juga pegangan dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai contoh, suku kaum Kadazandusun percaya bahawa mereka mempunyai satu tuhan yang bersemayam di dunia lain yang dikenali sebagai Kinorohingan. Kinorohingan merupakan tuhan bagi kaum Kadazandusun yang mempunyai kuasa menciptakan manusia.²⁹ Kehidupan suku kaum Kadazandusun disifatkan sebagai aman melalui kepercayaan mereka yang teguh terhadap Kinorohingan yang merupakan tuhan mereka.

²⁷ Abd Hakim Mohad & Ros Aiza Mohd Mokhtar, Agama dan budaya berpisah tiada: Tinjauan terhadap masyarakat Murut Tahol di Sabah, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 5(2), 2017, hlm. 3-12

²⁸ Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdur Rahman, Amalan Sogit Ke atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian dari Perspektif Hukum, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 19, 2018, hlm. 1-17

²⁹ Suraya Sintang, Penganutan agama Islam dan Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah, *Jurnal Usuluddin* 18, 2003, hlm. 59-80

4.2 SOSIOBUDAYA TRADISIONAL MASYARAKAT DI SARAWAK

Kepelbagaian suku kaum telah membentuk sebuah sosiobudaya masyarakat peribumi di Sarawak yang tersendiri. Setiap suku kaum yang terdapat di Sarawak mengamalkan dan meneruskan sosiobudaya yang diwarisi secara turun-temurun daripada generasi-generasi yang terdahulu. Amalan kepada kegiatan sosiobudaya tersebut menjadi panduan dan pegangan dalam kehidupan masyarakat peribumi di Sarawak. Sosiobudaya yang diamalkan dalam setiap suku kaum di Sarawak melambangkan identiti suku kaum masing-masing yang mempunyai kelainan antara satu suku kaum dengan suku kaum yang lain. Secara amnya, sosiobudaya yang terdapat di Sarawak merangkumi aspek kebudayaan, agama dan kepercayaan, serta adat resam.

Kebudayaan di Sarawak jelas diamalkan melalui sambutan perayaan yang diwarisi sejak turun-temurun daripada generasi yang terdahulu. Perayaan yang diamalkan oleh suku kaum yang terdapat di Sarawak bertujuan untuk memperoleh rezeki serta kehidupan yang harmoni dan dijauhkan daripada menerima sebarang malapetaka atau bencana. Sebagai contoh, masyarakat Melanau di Sarawak mengamalkan satu perayaan yang menjadi kebudayaan tradisi mereka dengan meraikan perayaan Kaul. Perayaan Kaul yang diamalkan oleh suku kaum Melanau di Sarawak adalah bertujuan untuk menyembah ipok, iaitu makhluk halus yang mempunyai kuasa bagi memperoleh rezeki yang banyak seperti hasil tangkapan di laut dan selamat ketika berada di lautan.³⁰ Suku kaum Melanau akan mempersembahkan serahang yang merupakan talam untuk menghidangkan jamuan yang berupa nasi pulut dan sirih pinang sebelum didirikan di muara sungai untuk dihidangkan kepada ipok.³¹

Kepercayaan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat peribumi di Sarawak. Kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun menjadi pegangan dalam kehidupan seharian mereka yang menjadi kemestian untuk mereka patuhi dan turuti. Kepercayaan masyarakat peribumi di Sarawak banyak dipengaruhi oleh kepercayaan animisme, iaitu kepercayaan terhadap setiap unsur-unsur alam seperti gunung, pohon, dan sungai yang mempunyai semangat dan roh. Kepercayaan mereka yang utuh terhadap unsur-unsur tersebut menyebabkan mereka sentiasa peka dan mempraktikkan segala peristiwa atau perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Kepercayaan tersebut juga turut mempengaruhi tindakan mereka sebelum melakukan sebarang tindakan agar tidak bercanggah dengan tradisi

³⁰ Awang Azman Awang Pawi, Weltanschauung dan manifestasi kepercayaan tradisi etnik di Sarawak, *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 6(2), 2013, hlm. 139-154

³¹ Pan Hui, Chong Shin & Remmy Gedat, 2017, Menyoroti dua tradisi pemujaan laut di Sarawak: Semah dan Kaul, *Intenational Journal of the Malay World and Civilisation* 5(1), 2017, hlm. 29-36

kepercayaan turun-temurun mereka. Sebagai contoh, suku kaum Iban percaya kepada bunyi-bunyian yang dihasilkan oleh burung ketupung dan burung beragai merupakan satu petanda bahawa kawasan tersebut tidak sesuai untuk didirikan rumah. Kawasan yang ingin didirikan rumah atau untuk dibuka petempatan tersebut hendaklah disemah terlebih dahulu yang bertujuan untuk menghindarkan sebarang malapetaka daripada berlaku.

Adat resam merupakan tradisi turun-temurun yang diamalkan oleh setiap suku kaum yang terdapat di Sarawak. Setiap adat resam tersebut mempunyai keunikan serta tujuan yang tertentu untuk mengekalkan tradisi kebudayaan yang menjadi pegangan hidup bagi masyarakat peribumi di Sabah. Amalan terhadap adat resam tersebut menjadi tuntutan kepada satu generasi ke satu generasi sebagai gaya hidup dan panduan untuk diamalkan secara berterusan. Adat resam yang diamalkan oleh suku kaum di Sarawak bukan sahaja bukan sahaja menjadi kebiasaan dalam kehidupan mereka, namun ia juga penting dalam menjaga tingkat atau kelas kehidupan mereka. Sebagai contoh, suku kaum Iban mempunyai tradisi menyimpan tajau yang merupakan sejenis seramik yang berupa tempayan yang diperbuat daripada tanah liat.³² Tajau diperolehi melalui pertukaran antara barangan dan berfungsi sebagai harta simpanan menyimpan barangan seperti beras, air tuak, wang, dan pakaian bagi suku kaum Iban di Sarawak.³³ Tajau juga digunakan dalam upacara-upacara ritual dan pengebumian untuk mengelakan diri daripada ditimpa malapetaka.³⁴ Penyimpanan tajau menjadi tradisi turun-temurun suku kaum Iban di Sarawak kerana tajau dianggap suci dan dipandang tinggi oleh suku kaum Iban kerana penyimpanan tajau tersebut dianggap dapat mengangkat kelas sosial bagi mereka yang memilikinya.

5.0 KESIMPULAN

Secara amnya, sebelum kedatangan kuasa Barat seperti British, Sabah dan Sarawak sudah mempunyai sistem pentadbirannya yang tersendiri, iaitu yang bersifat tradisional. Dapat dirumuskan bahawa Sabah dan Sarawak suatu ketika dahulu telah menerima dan bernaung di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei, yang mana ia merupakan antara kerajaan atau kesultanan yang terletak di dalam kawasan Nusantara. Penguasaan Kesultanan Brunei yang begitu meluas

³² Siti Aisyah Muhammad, Nordiana Ab Jabar & Florance Ling, 2017, Debu Harta Karun: Peranan tajau dalam rumah panjang masyarakat Iban, Sarawak masa kini. Persidangan Kebangsaan Kemanusiaan, Bahasa, Budaya & Perniagaan. Anjuran Fakulti Seni Bina dan Ekistik & Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Hotel De'la Ferns, Cameron Highlands, Pahang, 22-23 April.

³³ Fujica Anak Anggo, Louis Laja & Rohana Binti Abu Bakar, Title the function of pottery in the Iban community in Sibuh's longhouse, Sarawak. *International Journal of Engineering and Technology* 7(3.25), 2018, hlm. 175-177

³⁴ Ratnah Wati Mohd Rapi & Peter Molijol, Amalan pengebumian tajau dalam kebudayaan megalitik di Sabah, *Jurnal Arkeologi Malaysia* 31(2), 2018, hlm. 75-84

telah menyebabkan pentadbiran kawasan jajahan taklukannya dibahagikan kepada beberapa bahagian yang berdasarkan kepada sungai ekoran keadaan struktur geopolitikanya. Selain itu, suku kaum atau etnik yang menjadi masyarakat yang terdapat di Sabah dan Sarawak juga turut memperlihatkan penglibatan mereka dalam struktur pentadbiran di Sabah dan Sarawak, khususnya dari segi sistem pentadbiran kesukuan. Kepelbagaian suku kaum atau etnik yang terdapat di Sabah dan Sarawak juga telah memaparkan keunikan adat resam dan kepercayaan mereka yang secara tidak langsung juga turut diterapkan dalam pentadbiran suku kaum masing-masing yang mewarnai pentadbiran yang bersifat tradisional di Sabah dan Sarawak. Namun, setelah kedatangan kuasa Barat, iaitu British di Sabah dan Sarawak telah membawa kepada corak pentadbiran yang moden dan lebih berstruktur namun ia turut melibatkan masyarakat peribumi di Sabah dan Sarawak untuk terlibat di dalam pentadbirannya.

RUJUKAN

- Awang Azman Awang Pawi. 2013. Weltanschauung dan menifestasi kepercayaan tradisi etnik di Sarawak. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 6(2): 139-154.
- Abd Hakim Mohad & Ros Aiza Mohd Mokhtar. 2017. Agama dan budaya berpisah tiada: Tinjauan terhadap masyarakat Murut Tahol di Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 5(2):3-12.
- I.D. Black. 1968. The ending of Brunei rule in Sabah 1878-1902. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 41(2): 176-192.
- Chong Shin. 2015. Catatan dan deskripsi istilah-istilah yang berkaitan dengan sagu dalam masyarakat Melanau. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 3(3): 113-120.
- Fausto Barlocco. 2011. A tale of two celebrations: The Pesta Kaamatan as a side of struggle between a minority and the state of Sabah, East Malaysia. *Asian Journal of Social Science* 39(5): 1-32.
- Dg. Junaidah Awang Jambol. 2018. Hubungan Tradisi Brunei dengan Borneo Utara: Tinjauan terhadap Faktor Kemerosotan Pentadbiran Kesultanan Brunei pada Abad ke-19. *Jurnal Borneo Arkhailogia* 3(2): 110-111.
- D. S. Ranjit Singh. 2000. *The Making of Sabah 1865-1941*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Fujica Anak Anggo, Louis Laja & Rohana Binti Abu Bakar. 2018. Title the function of pottery in the Iban community in Sibú's longhouse, Sarawak. *International Journal of Engineering and Technology* 7(3.25): 175-177.
- Hanafi Hussin. 2003. Bobohizan dan Peranannya dalam Kalangan Masyarakat Kadazan Daerah Penampang. Sabah. *Jati* 8: 16-17.

- Hanafi Hussin. 2007. Ritual, identiti dan perubahan di Pantai Barat Sabah: Pengalaman Komuniti Penampang. *Jati, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara* 12: 189-210.
- Jakaria Dasan, 2009, Kronologi masyarakat peribumi Sabah sedasawarsa sebelum merdeka, *New Sabah Times*, 9 November: 2.
- Jurry Foo. 2018. Penglibatan komuniti tempatan dalam pasaran tumbuhan ubatan di tamu Pantai Barat Sabah. *Akademika* 88(1): 35-47.
- Lee Yong Leng. 1965. North Borneo (Sabah), a study in settlement geography. Singapore: Eastern Universities Press.
- Ib Larsen. 2012. The First Sultan of Sarawak and his links to Brunei and the Sambas dynasty, 1599-1826: A little known pre-Brooke history. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 85(2): 1-16.
- Mosli Tarsat. 2009. Kerelevenan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri Sabah: Satu Perspektif Sejarah. *Sosiohumanika* 2(2): 3-4.
- Mohamed Roselan Abdul Malek, 1998, *Kesan Sejarah dan Tempat-Tempat Menarik Negeri Sabah*. Selangor Darul Ehsan: Oscar Book International.
- Allen R. Maxwell. 1981. The origin of the name 'Sabah'. *Sabah Society Journal* 7(2): 91-95.
- Noria Tugang. 2014. Pua Identiti dan budaya masyarakat Iban. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Orlo, Amos Justus, Achinulo & Emmanuel Chinedu. 2017. Traditional Administrative System and the Politics of Land Management in Akpor Kingdom, in Rivers State, Nigeria. *Journal of Political Science and Leadership Research* 3(2): 56-73.
- Pan Hui, Chong Shin & Remmy Gedat. 2017. Menyoroti dua tradisi pemujaan laut di Sarawak: Semah dan Kaul. *Intenational Journal of the Malay World and Civilisation* 5(1): 29-36.
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdur Rahman. 2018. Amalan Sogit Ke atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian dari Perspektif Hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 19: 1-17.

Prof Madya Dr. Ismail Al. 2017. Sejarah pentadbiran awal di Sabah. *Utusan Borneo*, 16 Januari: B2.

Robert Pringle. 1970. *Rajahs and Rebels*. Ithaca: Cornell University Press.

Ratnah Wati Mohd Rapi & Peter Molijol. 2018. Amalan pengebumian tajau dalam kebudayaan megalitik di Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 31(2): 75-84.

Owen Rutter. 1985. *The Pagans of North Borneo*. Singapore: Oxford University Press.

Slamet Muljana. 2006. *Tafsir Sejarah: Nagarakertagama*. Jakarta: LKIS.

Siti Aisyah Muhammad, Nordiana Ab Jabar & Florance Ling. 2017. Debu Harta Karun: Peranan tajau dalam rumah panjang masyarakat Iban, Sarawak masa kini. Persidangan Kebangsaan Kemanusiaan, Bahasa, Budaya & Perniagaan. Anjuran Fakulti Seni Bina dan Ekistik & Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Hotel De'la Ferns, Cameron Highlands, Pahang, 22-23April.

Suraya Sintang. 2003. Penganutan agama Islam dan Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin* 18:59-80.

W. H. Treacher. 1889. British Borneo: Sketches of Brunai, Sarawak, Labuan and North Borneo. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 20: 13-74.

D.S. Ranjit Singh. 2002. Pertumbuhan ekonomi Sarawak, 1824-1941. *SEJARAH: Journal of the Department of History* 10(10): 82-83.